

## **Fatwa Kepenggunaan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis**

[Fatwas on Consumerism in Brunei Darussalam: An Analysis]

Mohd Anuar Ramli  
*Corresponding Author*

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
Emel: anuar@um.edu.my

Abdul Qayyum Aminuddin

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
Emel: anuar@um.edu.my

### **Abstrak**

Perkembangan isu-isu kepenggunaan masa kini berlaku selari dengan kepesatan teknologi yang mendorong pengeluar menghasilkan pelbagai jenis produk kepenggunaan untuk memenuhi kehendak semasa. Pengusaha pula berusaha menarik minat pengguna untuk menggunakan produk-produk tersebut bagi mengaut keuntungan. Justeru, fatwa merupakan suatu mekanisme semasa untuk masyarakat Islam mendapatkan penjelasan bagi permasalahan hukum yang timbul agar kehidupan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Dengan itu, kajian ini adalah sebagai penerokaan kepada teori konsep fatwa kepenggunaan di samping mengemukakan contoh fatwa-fatwa kepenggunaan yang telah dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi, temu bual dan analisis kandungan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat. Hasil kajian mendapati fatwa kepenggunaan itu meliputi seluruh aspek berkenaan aktiviti kepenggunaan yang berkaitan dengan produk barangan makanan, produk barangan bukan makanan dan produk bukan barangan.

**Kata kunci:** Fatwa Kepenggunaan, Pengguna Islam, Halal Haram, Brunei.

### **Abstract**

The development of consumerism issues currently occurring together with the rapid technology that encourage manufacturers to produce a wide range of consumer products to meet the needs of current demand. Furthermore, entrepreneurs are trying to attract consumers to use these products to gain revenue. Thus, the Islamic legal pronouncement (fatwa) is a current mechanism for the Muslim community to seek clarification on arise matters so that their life does not contradict with the Islamic law. Therefore, this study is to explore the theoretical concept of consumerism fatwa along with its examples that have been issued in Brunei Darussalam. Documentation method as well as interview and content analysis method are performed to assist this study as means to gather and analyses data. The finding of this study specifies that consumerism fatwa covers entire aspects pertaining the activity associated with food products, non-food products and non-good products.

**Keywords:** Consumerism Fatwa, Islamic Consumer, Halal Haram, Brunei.

### **Pengenalan**

Dewasa ini, perkembangan teknologi yang serba canggih menyebabkan berbagai-bagai jenis produk kepenggunaan dihasilkan daripada

pelbagai sumber. Namun tidak dinafikan terdapat produk-produk yang masih diragui penggunaannya yang tidak selari dengan

kehendak Islam kerana belum ada ketentuan halal haramnya dalam nas. Maka salah satu cara bagi pengguna Islam mendapatkan jawapan kepada segala persoalan dan kewahaman tentang produk-produk yang diragui status kehalalannya adalah melalui penjelasan hukum.

Dalam konteks bernegara, institusi fatwa merupakan salah sebuah organisasi berautoriti diberi tanggungjawab menjelaskan hukum-hakam bagi meleraikan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Islam yang tidak berkemampuan untuk berjihad dalam masalah-masalah baru melalui fatwa.

Tidak dinafikan aktiviti-aktiviti kepenggunaan turut menyumbang kepada permintaan fatwa kerana ia tidak terlepas daripada persoalan halal haram dan sudah menjadi kewajipan umat Islam yang taat kepada perintah Allah SWT untuk memilih dan menggunakan sesuatu produk itu dengan cara yang tidak bertentangan dengan syariat Islam. Sebagaimana daripada ‘Abdullah bin al-Nu‘man bin Basyir berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ  
كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ

Terjemahan: “*Sesungguhnya sesuatu yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara kedua-duanya ada perkara-perkara syubhah (yang tidak jelas akan kehalalan dan keharamannya) yang tidak diketahui oleh ramai manusia*” (al-Bukhari, 2000, 6, Bab Fadl Man Istabra’a Li Dinih, Hadis no. 52).

Imam al-Nawawi menjelaskan hadis ini bahawa semua perkara itu mengandungi tiga bahagian; pertama, halal itu jelas dan nyata tidak tersembunyi akan kehalalannya seperti kehalalan memakan roti, berkata-kata, berjalan-jalan dan sebagainya; kedua, haram itu juga jelas dan nyata seperti meminum arak dan berzina; dan ketiga, syubhah iaitu sesuatu yang tidak jelas akan kehalalan dan keharamannya. Maka ramai orang tidak mengetahuinya sehingga alim ulama berjihad dan mengeluarkan hukum mengenainya bersandarkan nas dan qiyas (al-Bugha & Mistu, 2007, 50).

Maka mufti melalui fatwanya berperanan menjawab isu-isu kepenggunaan yang tidak jelas atau belum ada ketetapan hukumnya bagi pengguna Islam kerana Islam itu agama yang mewajibkan umatnya untuk mengambil sesuatu

yang halal dan meninggalkan yang haram serta menjauhi perkara syubhah.

Oleh yang demikian, fatwa kepenggunaan merupakan salah satu sub-disiplin yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa dan fokus penelitian dalam bidang kepenggunaan seharusnya beralih kepada konteks yang lebih luas seperti tidak hanya terikat kepada disiplin ekonomi dan pemasaran kerana matlamatnya adalah untuk memahami realiti semasa dan hal yang bersifat ideal menurut kerangka syarak (Ahmad Azrin, 2012, 146-147).

Namun didapati perbincangan tentang fatwa kepenggunaan secara khusus masih di tahap minima berbanding fatwa dan kepenggunaan yang banyak dibincangkan secara berasingan dari pelbagai sudut seperti sejarah, perundangan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini adalah sebagai satu pengenalan dalam mengembangkan sub-disiplin fatwa kepenggunaan yang juga merupakan salah satu daripada jenis fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam (NBD).

## Konsep Fatwa Kepenggunaan

Fatwa berasal daripada perkataan bahasa Arab *fata - yaftu - fatwan* yang bererti pemberitahuan dan penerangan tentang sesuatu masalah oleh seseorang dalam bentuk jawapan bagi perkara-perkara yang tidak jelas tentang hukum. Perkataan fatwa juga disebut dengan sebutan *futya* dan *fatwa*. Namun perkataan fatwa lebih banyak diguna pakai bagi topik *al-ifta'* yang bermaksud satu perbuatan dalam menetapkan sesuatu fatwa tentang sesuatu hukum (Ibn Manzur, 1990, 15:145-148). Perkataan *futya* dan *fatwa* itu pula bermaksud sesuatu jawapan yang diputuskan oleh seseorang yang pakar dalam bidang fiqh mengenai sesuatu kemusykilan dan permasalahan dalam hukum syarak (Qal‘ahji & Qunaybi, 1985, 339; al-Fayruz Abadi, 2003, 1188; al-Asfahani, 2006, 281; al-Zabidi, 2007, 39:102).

Pada istilahnya pula, fatwa merupakan suatu perkhbaran dan penjelasan mengenai hukum Allah SWT oleh mufti secara individu atau kolektif berdasarkan nas syarak dan hasil istinbat hukum sebagai jawapan kepada orang yang bertanyakan perkara-perkara yang kurang jelas dan belum ada ketentuannya daripada syarak (al-Harrani, 1976, 4; al-Qaradawi, 1988, 11; al-Ashqar, 1993, 13; al-Zuhayli, 2007, 5:479).

Daripada takrifan tersebut, definisi fatwa pada bahasa dan istilahnya tidaklah menunjukkan perbezaan yang banyak. Ia juga menunjukkan konsep fatwa itu mempunyai beberapa elemen penting iaitu perkhbarian dan penjelasan hukum, mufti, nas syarak, istinbat, soalan dan jawapan. Tanpa salah satu elemen yang dinyatakan itu, kenyataan-kenyataan yang diberikan bukanlah ia dinamakan fatwa.

Kepenggunaan pula berasal daripada perkataan guna yang membawa beberapa maksud iaitu manfaat, faedah, peranan, fungsi, untuk, bagi, budi baik dan kebaikan (Kamus Dewan, 2005, 489). Kepenggunaan pula diertikan secara khusus tentang segala perihal mengenai pengguna seperti barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan bagi maksud kepentingan diri sendiri yang bertujuan untuk memenuhi kehendak semasa (Pearce, 1992, 78).

Menurut Mohd Hamdan Adnan (1994, 134), kepenggunaan memberi tiga pengertian yang berbeza. Pertama, berasaskan perkataan asalnya “guna”. Maka seseorang itu dipanggil “pengguna” apabila menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan dan kerana itulah kepenggunaan ditakrifkan sebagai penggunaan barangan atau perkhidmatan. Kedua, suatu sistem perdagangan yang mana pengguna mempunyai pilihan meluas terhadap produk yang hendak digunakan sama ada ia baik atau buruk. Ketiga, bermaksud penghayatan, amalan dan usaha-usaha perlindungan untuk pengguna, undang-undang yang menjamin kepentingan pengguna, pendidikan pengguna, dan sebarang tindakan yang memajukan kesejahteraan pengguna.

Walau bagaimanapun, konsep kepenggunaan bukan hanya tertumpu kepada pengguna. Malahan juga merangkumi segala aspek bersangkut-paut dengan pengguna seperti pengusaha, peruncit, peniaga dan sebagainya kerana terdapat tiga elemen utama dalam wacana kepenggunaan saling berkait rapat antara satu sama lain untuk memastikan ia berfungsi dengan baik iaitu pengguna sebagai individu yang membeli dan menggunakan sesuatu produk, pengusaha sebagai orang yang menghasilkan dan memproses sesuatu produk, dan produk itu sendiri yang terdiri dari produk barangan makanan, produk barangan bukan makanan dan produk bukan barangan (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2011, 2).

Dalam perspektif Islam pula, sewajarnya kepenggunaan itu berasaskan keesaan kepada Allah SWT dalam menggunakan dan menikmati segala aktiviti dalam kepenggunaan. Pemilihan kriteria produk guna tersebut juga ditekankan agar ia berteraskan ketakwaan dan keimanan bagi mengelakkan pengambilannya atas faktor kepentingan diri dan hawa nafsu (Mohd Amim, 2002, 126-127). Dalam erti kata lain, segala aktiviti kepenggunaan yang dijalankan itu hendaklah sesuai dengan maqasid syariah dan diterapkan ke dalam kerangka halal haram yang telah ditetapkan oleh syarak agar dapat menghindari kemudarat dan kerosakan khususnya bagi pengguna Islam (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2011, 3-4).

Pengguna Islam merupakan pengguna yang istimewa berbanding dengan pengguna konvensional kerana falsafah syariah membezakan nilai dan sifat antara keduanya dalam perjalanan aktiviti kepenggunaannya seperti dari sudut kehendak pengguna itu sendiri, jenis dan kuantiti produk guna yang diambil serta matlamat utama muamalatnya supaya diberkati dan diredai Allah SWT (Surtahman, 1993, 42; Basri & Mahbob, 2010, 60; Jaafar, Sanep & Hairunnizam, 2011, 55).

Berdasarkan penelitian huraian-huraian maksud fatwa dan kepenggunaan di atas, konsep fatwa kepenggunaan itu bolehlah diformulasikan sebagai satu konsep yang khusus iaitu suatu kenyataan oleh mufti dalam bentuk perkhbarian atau penjelasan hukum berdasarkan dalil-dalil syarak secara individu atau kolektif sebagai jawapan kepada kemusykilan yang ditanyakan oleh pengguna Islam mengenai sesuatu produk kepenggunaan sama ada berupa barangan makanan, barangan bukan makanan ataupun bukan barangan yang tidak jelas atau belum ada ketentuannya dalam nas termasuk segala aktiviti penghasilan produk oleh pengeluar dan aktiviti mengusahakan produk-produk tersebut kepada pengguna oleh pengusaha.

## **Fatwa Kepenggunaan Di Negara Brunei Darussalam**

Institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam telah dibentuk secara rasminya pada tahun 1962 yang mengalami beberapa peringkat perubahan dari segi pentadbiran sehingga ia mampu bergerak sebagai sebuah jabatan berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri bermula tahun 1994 yang digelar Jabatan Mufti Kerajaan hingga ke hari ini dan jawatan muftinya pula

dikenali dengan panggilan Mufti Kerajaan Brunei (Portal Rasmi Jabatan Mufti Kerajaan, 2010).

Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 2355 jumlah keseluruhan siri fatwa (Statistik Jabatan Mufti Kerajaan, 2015) telah dikeluarkan dalam pelbagai bentuk permasalahan seperti isu-isu berkaitan akidah, ibadat, muamalat dan sebagainya yang terhasil daripada permasalahan yang diajukan oleh segenap lapisan masyarakat baik individu persendirian mahupun wakil mana-mana pihak organisasi kerajaan atau swasta dari dalam dan luar negara (Ustaz Rosle Bin Haji Jumat, Temu bual, Januari 15, 2015). Tidak terkecuali permasalahan-permasalahan berkenaan kepenggunaan juga turut diminta fatwa yang merangkumi segala perihal berkaitan dengan produk barangan makanan, barangan bukan makanan dan bukan barangan. Fatwa yang diputuskan tidak lari daripada pendapat muktamad mazhab Syafi'e di samping pendapat daif mazhab Syafi'e juga dibolehkan apabila pendapat muktamad tersebut tidak sesuai dengan kepentingan awam. Selain itu sekiranya pendapat-pendapat mazhab Syafi'e sama ada yang muktamad atau daif itu tidak sesuai dan boleh mendatangkan kesukaran kepada masyarakat awam untuk mengikutinya, maka dibolehkan untuk merujuk kepada pendapat mazhab-mazhab lain yang diiktiraf oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ). (Abdul Qayyum & Mohd Anuar, 2016).

### **Produk Barangan Makanan**

Produk jenis barangan makanan adalah bagi isu-isu yang difatwakan mengenai apa sahaja aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan makanan dan minuman iaitu barang gunaan yang boleh dimamah, ditelan dan dikunyah. Pada kebiasaannya barangan makanan dihasilkan daripada bermacam jenis bahan seperti karbohidrat, lemak, protein, cecair dan seumpamanya yang kemudiannya dibentuk menjadi satu jenis barangan yang boleh dimakan atau diminum, bertujuan untuk mengenyangkan perut dan memberi tenaga kepada orang yang mengambilnya (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 1687, 1689, 1794, 1795; Kamus Dewan, 2005, 980, 981, 1035).

Antara isu berkaitan jenis ini yang telah difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei (MKB) adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 18/1999: Minuman oren 'Lemonade' yang menggunakan bekas botol minuman keras 'Carlsberg'.
- Siri fatwa 22/2002: *Dad's Old Fashioned Root Beer* minuman syubhah.
- Siri fatwa 07/2003: Hukum memakan tapai.
- Siri fatwa 21/2004: *Emulsifiers*.
- Siri fatwa 17/2005: Hukum memakan daging syubhah.
- Siri fatwa 04/2006: Daging sosej yang bersalut dengan usus khinzir.
- Siri fatwa 35/2006: Hukum memakan ikan yang diberi makan najis.
- Siri fatwa 09/2010: Penggunaan alkohol dalam makanan.
- Siri fatwa 14/2010: Hukum memakan ketam kaluk.
- Siri fatwa 30/2011: Produk mentega *Golden Churn Pure Creamery Butter*.

Sebagai contoh bagi isu bertajuk "*Dad's Old Fashioned Root Beer* minuman syubhah" yang ditanyakan al-Mustafti (orang yang meminta fatwa). MKB menyatakan bahawa walaupun minuman tersebut bukan arak dan tidak bercampur dengan arak, tetapi ia telah menjadi sesuatu yang syubhah kerana perkataan "*Beer*" pada namanya itu boleh menimbulkan keraguan disebabkan perkataan tersebut adalah sinonim kepada sejenis jenama minuman arak atau ada kaitan dengan arak. Maka adalah lebih selamat perkara syubhah atau diragui akan kehalalan atau keharamannya itu ditinggalkan sebagaimana amalan Rasulullah SAW (Jabatan Mufti Kerajaan, 2003, 211-214).

### **Produk Barangan Bukan Makanan**

Produk jenis barangan bukan makanan pula adalah bagi perkara-perkara berkaitan apa sahaja aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan barang gunaan yang tujuan utamanya bukan untuk dimakan atau diminum bagi mengenyangkan perut dan memberi tenaga kepada orang yang mengambilnya. Produk jenis ini meliputi pelbagai bentuk seperti kosmetik, dandanan diri, pakaian, perhiasan, peralatan, perkakasan, perubatan dan farmaseutikal.

#### *Kosmetik dan Dandanan Diri*

Kosmetik dan dandanan diri adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan dengan segala aktiviti dan bahan-bahan kandungannya yang berhubung kait dengan barang gunaan yang digunakan untuk mempercantik pada bahagian

luaran tubuh badan manusia seperti wajah, kulit, rambut, kuku, bibir, gigi dan rongga mulut dalam bentuk seperti bedak, gincu, celak dan seumpamanya. Tujuan utama pengambilannya pula adalah untuk membersihkan, mewangi dan mencantikkan penampilan diri agar kelihatan baik, rapi dan sebagainya (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 542, 1422; Kamus Dewan, 2005, 310).

Antara isu berkaitan kosmetik dan dandanan diri yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 22/2001: Pewarna rambut bertanda halal.
- Siri fatwa 04/2003: Men' dye' atau menginai rambut.
- Siri fatwa 23/2004: Bersembahyang memakai minyak wangi beralkohol.
- Siri fatwa 44/2004: Hukum memasang *braces* pada gigi.
- Siri fatwa 31/2006: Hukum memakai lipstick.
- Siri fatwa 17/2007: Alkohol dalam minyak wangi, adakah najis?
- Siri fatwa 05/2008: Mewarna rambut dengan pewarna diperbuat daripada tumbuhan selain inai.
- Siri fatwa 08/2010: Hukum memakai minyak wangi yang mengandungi alkohol.
- Siri fatwa 10/2010: Penggunaan *hand sanitizer* (pencuci tangan) beralkohol.
- Siri fatwa 03/2013: Hukum bersolek bagi wanita.

Sebagai contoh bagi isu pewarna rambut bertanda halal. MKB menyatakan bahawa pemakaian pewarna rambut yang berlabel halal pada kotaknya itu tidak bererti ia boleh digunakan dengan sewenangnyanya kerana label halal tersebut bukanlah bererti ia halal digunakan oleh siapa sahaja kerana Islam mempunyai garispanu dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh seseorang dalam hal ehwal mewarnakan rambut. Akan tetapi label halal tersebut adalah bagi menunjukkan bahawa produk tersebut mengandungi bahan-bahan yang suci daripada najis kerana kita dilarang menggunakan setiap sesuatu barangan yang bernajis (Jabatan Mufti Kerajaan, 2002, 268-274).

#### *Pakaian dan Perhiasan*

Pakaian dan perhiasan pula adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan dengan segala aktiviti yang ada kaitannya dengan barang

gunaan yang tujuannya dipakai pada kepala seperti songkok, kopiah, serban, tudung dan seumpamanya; tujuannya dipakai pada badan seperti baju, jaket, kemeja, kemeja-t, seluar, skirt dan seumpamanya; tujuannya dipakai pada kaki seperti kasut, sepatu, selipar, stoking dan seumpamanya; tujuannya dipakai atau dibuatkan perhiasan seperti barangan kemas dan aksesori dalam bentuk seperti cincin, subang, rantai, gelang loket dan seumpamanya diperbuat daripada pelbagai jenis seperti emas, perak, logam dan sebagainya; tujuannya dipakai atau dibuatkan perhiasan seperti ukiran dan tenunan dalam bentuk pasu, lukisan, cadar, kulit, patung replika dan seumpamanya (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 918, 1945; Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu, 2010, 308, 608).

Antara isu berkaitan pakaian dan perhiasan yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 38/2001: Membuka tudung kepala kerana takut kepada ancaman.
- Siri fatwa 08/2002: Membina replika binatang untuk dijadikan logo taman rekreasi.
- Siri fatwa 22/2003: Pakaian seragam kompeni askar wanita.
- Siri fatwa 22/2004: Hukum lelaki memakai gelang.
- Siri fatwa 01/2005: Memakai baju yang tertera perkataan 'Muhammad'.
- Siri fatwa 43/2005: Emas putih.
- Siri fatwa 09/2006: Logo *red devil* pada pakaian pasukan bola sepak.
- Siri fatwa 37/2006: Memakai kasut yang digigit anjing.
- Siri fatwa 02/2007: Patung Buddha bagi tujuan hiasan dalam taman di kawasan rumah orang bukan beragama Islam.
- Siri fatwa 35/2008: Kedudukan patung bagi tujuan hiasan di halaman rumah orang Islam.

Sebagai contoh isu lelaki memakai gelang yang ditanyakan oleh al-Mustafti. MKB menjelaskan bahawa gelang itu adalah pakaian khusus bagi kaum perempuan dan adalah haram bagi kaum lelaki memakainya untuk tujuan bergaya dan berhias sekalipun ia bukan diperbuat daripada emas kerana perbuatan sedemikian itu menyerupai kaum perempuan. Walau bagaimanapun jika tujuan memakai gelang semata-mata berubat dan ia memang adalah

betul-betul ubat, maka tidaklah mengapa kerana ada keperluan dan hajat. Namun hukumnya menjadi haram jika tujuan berubat tersebut disertai dengan niat untuk bermegah-megah atau bergaya (Jabatan Mufti Kerajaan, 2006, 255-256).

#### *Peralatan dan Perkakasan*

Manakala peralatan dan perkakasan adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan dengan segala aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan barang gunaan yang digunakan sebagai kemudahan dalam membuat sesuatu pekerjaan seperti alat kelengkapan dan perkakas bagi rumah dalam bentuk almari, rak buku, kerusi, meja, mesin pembasuh dan seumpamanya; kelengkapan bagi dapur dalam bentuk peti sejuk, ketuhar, kualiti, periuk belanga dan seumpamanya; kelengkapan ketika makan dalam bentuk sudu garpu, piring, pinggan, mangkuk dan seumpamanya; kelengkapan bagi pejabat dalam bentuk komputer, mesin taip, pencetak, telefon, faksimile dan seumpamanya; kelengkapan bagi pertukangan dalam bentuk pahat, tukul, paku, gergaji, gerudi dan seumpamanya; kelengkapan bagi kemudahan awam dalam bentuk tanda lampu isyarat, papan tanda, papan iklan, logo dan sebagainya (Kamus Dewan, 2005, 32 dan 1189; Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu, 2010, 653-654).

Antara isu berkaitan peralatan dan perkakasan yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 22/1991: Bejana daripada perak.
- Siri fatwa 03/1998: Penggunaan tasbih elektronik yang mengandungi Asma' al-Husna.
- Siri fatwa 07/2000: Memasang papan tanda di tepi jalan raya dengan kalimah-kalimah suci.
- Siri fatwa 17/2000: Memindahkan tanah atau alat-alat perkakas masjid yang dirobuhkan ke tempat lain.
- Siri fatwa 45/2000: Model berbentuk patung manusia sebagai alat pembelajaran.
- Siri fatwa 06/2002: *Microwave oven* yang diguna pakai bersama dengan orang bukan Islam.
- Siri fatwa 19/2004: Penggunaan perkakas dapur dan mesin pembasuh di apartmen yang telah digunakan oleh orang bukan Islam.

- Siri fatwa 22/2006: Hukum membawa alat yang mengandungi perisian ayat al-Quran ke tandas.
- Siri fatwa 11/2009: Mengambil wuduk menggunakan mesin wuduk automatik.
- Siri fatwa 02/2010: Berkongsi peti ais dengan orang bukan Islam.

Sebagai contoh isu peralatan seperti telefon bimbit atau PDA (*Personal Digital Assistant*) yang mengandungi *software* atau perisian ayat atau tafsir Al-Quran dibawa bersama ke tempat-tempat yang tidak bersesuaian seperti tandas. MKB menjelaskan bahawa alat-alat seperti telefon bimbit atau PDA itu tidak dihukumkan sebagai Al-Quran walaupun ia mengandungi perisian Al-Quran atau tafsirnya. Namun peralatan sedemikian hendaklah dimatikan atau dialihkan program Al-Quran kepada program lain sebelum masuk ke tempat-tempat kotor yang tidak sesuai seperti tandas bagi tujuan agar unsur tulisan dan bacaan ayat Al-Quran tidak muncul dari alat tersebut ketika berada di tandas bagi menjaga akan kehormatan Al-Quran (Jabatan Mufti Kerajaan, 2009a, 3-8).

#### *Perubatan dan Farmaseutikal*

Perubatan dan farmaseutikal pula adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan dengan segala hal barang gunaan yang selalunya berbentuk ubat-ubatan dan farmasi digunakan pada anggota tubuh badan untuk tujuan mengurangkan, menghilangkan, menyembuhkan, mengubat apa sahaja jenis penyakit, menyihatkan tubuh badan dan seumpamanya. Ia merangkumi segala aktiviti tentang kegiatan berubat dan teknologi pembuatannya, pembancuhannya, penyediaannya, cara penyimpanan dan penyalurannya serta bahan campuran dalam ubat-ubatan tersebut (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 713, 2940 dan 2941; Kamus Dewan, 2005, 407).

Antara isu berkaitan perubatan dan farmaseutikal yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 24/2000: Ubat-ubatan yang bercampur dengan gelatin atau alkohol.
- Siri fatwa 48/2000: Berubat dengan air kencing.
- Siri fatwa 29/2002: Lemak babi dalam Vaksin Meningitis (suntikan selaput otak).
- Siri fatwa 25/2003: Memasukkan ubat ke dalam dubur dan hubungannya dengan puasa.

- Siri fatwa 03/2004: Berubat dengan orang yang tidak diketahui sama ada menggunakan jin atau tidak.
- Siri fatwa 08/2005: Kriteria pemilihan ubat-ubatan.
- Siri fatwa 39/2005: Ubat dari tanduk binatang.
- Siri fatwa 39/2007: Rawatan dan pemeriksaan pergigian semasa bulan Ramadan.
- Siri fatwa 45/2007: Berubat menggunakan benda najis untuk mempercepatkan kesembuhan.
- Siri fatwa 39/2008: Produk kesihatan dan perubatan daripada tanduk rusa yang dipotong semasa hidupnya.

Sebagai contoh isu berubat menggunakan benda najis untuk mempercepatkan kesembuhan. MKB menjelaskan bahawa berubat untuk menyembuhkan penyakit itu adalah perkara yang digalakkan dalam Islam. Namun adalah diharamkan penggunaan ubat yang mengandungi bahan najis dalam keadaan masih ada ubat yang suci walaupun memberi kesan pada mempercepatkan kesembuhan. Apalagi jika menurut doktor pakar bahawa penyakit seseorang itu masih boleh diubat dengan ubat yang suci. Akan tetapi sekiranya doktor pakar telah pun memutuskan bahawa pesakit berkenaan mesti memakan ubat yang bercampur dengan najis kerana jika tidak berbuat demikian akan menimbulkan kemudharatan yang lebih besar terhadap pesakit, maka dalam keadaan itu adalah diharuskan baginya menggunakan atau memakan ubat yang mengandungi bahan najis sekalipun masih ada ubat yang suci kerana ubat yang suci itu tidak lagi berkesan dan bermanfaat untuk mengubat penyakitnya lagi (Jabatan Mufti Kerajaan, 2009b, 253-259).

### **Produk Bukan Barangan**

Produk jenis bukan barangan pula adalah bagi perkara-perkara berkaitan apa sahaja aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan perkara-perkara yang boleh diambil manfaat dan faedahnya oleh pengguna dalam bentuk pengangkutan, logistik, penyembelihan, perniagaan, perkhidmatan, premis dan restoran.

#### *Pengangkutan dan Logistik*

Pengangkutan dan logistik adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan segala perihal aktiviti bagi mengendalikan sesuatu operasi yang

melibatkan pergerakan tenaga kerja, penyediaan, perbekalan, penyenggaraan, pengagihan, pengiriman, penghantaran, pengalihan, pembawaan, pengambilan serta pemindahan apa sahaja jenis barang guna dari sebuah tempat ke tempat yang lain menggunakan pelbagai jenis kenderaan pengangkutan darat, laut dan udara seperti kereta, van, lori, kapal, perahu, feri, pesawat, helikopter dan sebagainya (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 1636; Kamus Dewan, 2005, 61; Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu, 2010, 33, 420).

Antara isu berkaitan pengangkutan dan logistik yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 14/1990: Membawa daging sejuk (beku) ke dalam Negara Brunei Darussalam.
- Siri fatwa 09/1996: Waktu berbuka puasa ketika berada di dalam kapal terbang.
- Siri fatwa 33/1998: Menulis label 'Pengangkutan daging babi'.
- Siri fatwa 05/2002: Mengangkut daging khinzir setiap hari dari Limbang untuk dijual kepada orang kafir dan hubungannya dengan imej negara Islam.
- Siri fatwa 09/2002: Mengangkat daging khinzir menggunakan kenderaan sendiri oleh pegawai kerajaan untuk dibawa ke tempat khas bagi tujuan penahanan dan pemusnahan.
- Siri fatwa 27/2002: Cara mengerjakan solat ketika di dalam pesawat.
- Siri fatwa 48/2007: Memindahkan mayat dari Sabah ke NBD.
- Siri fatwa 01/2010: Kemasukan arak dan daging khinzir ke NBD untuk *transit* / punggah edar.
- Siri fatwa 11/2013: Cara menentukan arah kiblat dan waktu solat ketika berada di atas kapal pelayaran (*cruise ship*).

Sebagai contoh isu tentang kemasukan arak dan daging khinzir dari luar negara ke pelabuhan NBD sebagai *transit* atau punggah edar untuk aktiviti pemunggahan dan dibahagi-bahagikan bagi tujuan diekspot semula keluar dari NBD. MKB menjelaskan bahawa membenarkan pelabuhan NBD menjadi *hub* memproses *transit* dan punggah edar barangan haram dan najis seperti arak dan khinzir walaupun bukan untuk kegunaan di NBD adalah tindakan yang haram dilakukan dan bertentangan dengan hukum syarak sekali gus mencabul dasar ketetapan

negara yang selama ini mengharamkan arak sepenuhnya di NBD. Malah ia juga secara terang-terangan menentang perintah Allah SWT yang melarang tolong-menolong dalam perkara dosa dan maksiat (Jabatan Mufti Kerajaan, 2012, 160-170).

### Penyembelihan

Penyembelihan pula adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan segala perihal binatang-binatang yang sah disembelih bagi apa sahaja tujuan dan jenis kegunaannya seperti ibadah korban, aqiqah dan dam haji, yang juga meliputi aktiviti-aktiviti sembelihan binatang-binatang tersebut seperti sebelum sembelihan, waktu sembelihan, selepas sembelihan, cara pemotongan leher dengan benda tajam hingga putus merihnya dan sebagainya (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 2448; Kamus Dewan, 2005, 1436).

Antara isu berkaitan penyembelihan yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 26/1986: Kambing dan lembu dipengsankan *stunning* sebelum disembelih akannya.
- Siri fatwa 15/1991: Daging sembelihan dari negeri-negeri Kristian bukan disembelih mengikut cara Islam.
- Siri fatwa 18/1996: Benarkah penyembelihan binatang cara Islam itu suatu kezaliman?
- Siri fatwa 06/1998: Menggunakan pelalian *Special Tranquilizer System* terhadap ayam selepas disembelih.
- Siri fatwa 39/2000: Penyembelihan ayam bekas pemujaan.
- Siri fatwa 04/2001: Aktiviti menyembelih binatang korban di luar negeri dan dagingnya diagihkan ke negeri yang lain.
- Siri fatwa 28/2001: Pengiktirafan pusat penyembelihan yang dikongsi bersama oleh orang Islam dan bukan Islam.
- Siri fatwa 08/2006: Penggunaan kaedah *thoracic sticking* setelah penyembelihan.
- Siri fatwa 37/2008: Kedudukan kaedah *stunning* dalam penyembelihan menurut pandangan Islam.
- Siri fatwa 10/2012: Kambing jenis *boer* untuk korban dan aqiqah.

Sebagai contoh isu penggunaan kambing jenis baka *boer* dijadikan sebagai binatang sembelihan untuk korban dan aqiqah. MKB menerangkan bahawa kambing adalah termasuk di dalam jenis

binatang yang sah dijadikan sembelihan korban dan aqiqah. Namun syarat umur kambing jenis *ma'z* (*goat*) adalah berbeza daripada kambing jenis *dha'n* (*sheep*). Umur kambing yang sah dijadikan sembelihan korban dan aqiqah adalah cukup umur dua tahun masuk tahun ketiga bagi *ma'z* (*goat*) dan cukup umur satu tahun masuk tahun kedua atau tanggal gigi sebelum cukup umur satu tahun bagi *dha'n* (*sheep*). Kambing jenis baka *boer* digolongkan ke dalam spesies *ma'z* (*goat*), maka kambing *boer* adalah sah dijadikan binatang sembelihan korban dan aqiqah dengan syarat cukup umur dua tahun masuk tahun ketiga (Jabatan Mufti Kerajaan, 2013, 103-106).

### Perniagaan dan Perkhidmatan

Manakala perniagaan dan perkhidmatan adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan dengan segala hal ehwal muamalat yang ada hubung kait dengan perkara-perkara seperti wang, jual beli, sewa, sumbangan, derma, upah, perkongsian dan juga segala aktiviti memberi, menyediakan, menerima atau mengambil khidmat bagi tujuan melakukan sesuatu pekerjaan untuk keperluan orang lain sama ada bagi mendapatkan keuntungan di dunia atau akhirat (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 1818, 1878; Kamus Dewan, 2005, 783).

Antara isu berkaitan perniagaan dan perkhidmatan yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 29/1990: Perniagaan pertukaran wang asing (*Foreign Money Changer*).
- Siri fatwa 19/2000: Hukum memberi wang kepada orang-orang yang menyembahyangkan mayat.
- Siri fatwa 41/2000: Hukum memetik atau menjual buah-buahan yang ditanam di kawasan masjid.
- Siri fatwa 35/2001: Menjual daging aqiqah oleh penerima daging.
- Siri fatwa 36/2001: Penggunaan wang riba untuk membayar tol dan saman.
- Siri fatwa 02/2002: Menggunakan perkhidmatan kad kredit bagi jualan tiket dan mengenakan caj perkhidmatan.
- Siri fatwa 19/2002: Meminjam atau menyewakan lesen dan meminta maklumat sebutharga tawaran dari pegawai bertugas.
- Siri fatwa 20/2003: Menjalankan perniagaan *Amway*.



- Siri fatwa 18/2005: Hukum wang penjualan anjing terlatih yang sudah tua.
- Siri fatwa 38/2005: Hukum pembayaran korban dan aqiqah menggunakan perkhidmatan kad kredit.

Sebagai contoh isu penggunaan kad kredit untuk pembayaran binatang yang dijadikan korban dan aqiqah. MKB menyatakan bahawa membuat bayaran menggunakan kad kredit itu adalah urusan niaga secara tangguh. Pembayaran secara tangguh itu adalah diharuskan dalam Islam melainkan pada benda yang sama jenisnya. Maka pembelian binatang seperti kerbau, kambing dan seumpamanya dengan menggunakan kad kredit adalah diharuskan kerana bukan dari jenis yang sama. Pembelian binatang secara hutang itu adalah muamalat yang sah menurut hukum syarak dan barang yang dibeli secara hutang itu adalah menjadi hak mutlak pembeli. Dengan adanya hak pembeli sebagai pemilik binatang yang dibeli secara hutang itu, maka binatang tersebut adalah sah untuk dijadikan korban dan aqiqah (Jabatan Mufti Kerajaan, 2007, 131-135).

### Premis dan Restoran

Premis dan restoran pula adalah bagi isu-isu yang difatwakan berkenaan dengan segala perkara dan aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan kawasan-kawasan tertentu seperti bangunan dalam bentuk masjid, surau, sekolah, rumah dan seumpamanya; kawasan awam dalam bentuk tanah perkuburan dan seumpamanya; kawasan tempat diuruskan dan melakukan perniagaan yang menyediakan dan menjual makanan, minuman dan sebagainya kepada orang ramai dalam bentuk restoran, kafe, warung dan seumpamanya (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 2272; Kamus Dewan, 2005, 1230).

Antara isu berkaitan premis dan restoran yang telah difatwakan oleh MKB adalah seperti berikut:

- Siri fatwa 09/2000: Persoalan *harim* (kawasan) masjid.
- Siri fatwa 43/2000: Menggali kubur lama di tapak tanah persendirian kerana hendak dibangunkan rumah.
- Siri fatwa 02/2001: Memindah tapak masjid yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan.

- Siri fatwa 09/2001: Hukum memindahkan tapak masjid yang masih di peringkat cadangan.
- Siri fatwa 18/2003: Meroboh bangunan masjid lama.
- Siri fatwa 20/2004: Restoran yang dimiliki oleh orang bukan Islam menjual daging halal.
- Siri fatwa 52/2004: Mengapakah orang Islam tidak boleh makan di restoran bukan Islam?
- Siri fatwa 23/2008: Adakah perlu NBD mempunyai premis-premis urut berlesen?
- Siri fatwa 28/2013: Membina dua buah masjid di dalam sebuah kampung.
- Siri fatwa 31/2013: Kedai makan restoran orang Islam beroperasi siang hari pada bulan Ramadan.

Sebagai contoh isu restoran kepunyaan orang Islam beroperasi menyajikan barangan makan kepada orang bukan Islam pada siang hari di bulan Ramadhan. MKB menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap orang Islam untuk memastikan kesucian dan kehormatan syiar agama Islam seperti bulan Ramadhan itu terpelihara dan dihormati oleh semua penduduk yang bernaung tinggal di bawah pemerintahan negara Islam. Maka dalam hal ini, adalah haram orang Islam memberi makan kepada orang bukan Islam pada siang hari bulan Ramadhan kerana ia merupakan pertolongan kepada perkara maksiat (Jabatan Mufti Kerajaan, 2014, 93-95).

### Kesimpulan

Fatwa kepenggunaan merupakan suatu jenis fatwa yang bersifat semasa dan pada hari ini produk kepenggunaan itu bukan hanya terbatas ke dalam konteks makanan dan minuman sahaja (produk barangan makanan). Malahan juga merangkumi produk barangan bukan makanan dan produk bukan barangan yang merentasi disiplin kosmetik, dandanan diri, pakaian, perhiasan, peralatan, perkakasan, perubatan, farmaseutikal, pengangkutan, logistik, penyembelihan, perniagaan, perkhidmatan, premis dan restoran yang ada kaitan khususnya dengan segala aktiviti yang dilakukan oleh pengeluar, pengusaha dan pengguna produk-produk berkenaan.

Oleh yang demikian berdasarkan contoh-contoh isu yang telah difatwakan oleh MKB, masyarakat Islam khususnya di NBD yang

terdiri daripada pengeluar, pengusaha dan pengguna sememangnya peka dan mementingkan status penggunaan sesuatu produk yang dikeluarkan, diusahakan dan diambil itu, bukan saja yang berkaitan dengan

produk barangan makanan tetapi juga barangan bukan makanan dan bukan barangan agar pembuatannya, pengusahaannya dan penggunaannya tidak bertentangan dengan kehendak yang telah disyariatkan dalam Islam.

---

## Rujukan

- Abdul Qayyum Aminuddin & Mohd Anuar Ramli. 2016. Penggunaan Mazhab Selain Syafi'i Dalam Fatwa Negara Brunei Darussalam, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (INFAD)* 7(1): 18-28.
- Ahmad Azrin Adnan. (2012). Gelagat Pengguna Islam: Satu Disiplin atau Sub-Disiplin?. *Jurnal Pengurusan*, 35, 139-149.
- al-Asfahani, Abi Qasim Husayn ibn Muhammad al-Raghib. (2006). *Mu'jam Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Ashqar, Muhammad Sulayman. (1993). *al-Futya Wa Manahij al-Ifta'*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.
- al-Bugha, Mustafa, & Mistu, Muhyi al-Din. (2007). *al-Wafi fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyah* (Ahmad Khairi al-Latifi & Noraine Abu, terj.). Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. (2000). Sahih al-Bukhari. Dalam Salih bin 'Abd al-'Aziz Ali al-Shaykh (ed.), *Mawsu'at al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*. Riyad: Dar al-Salam.
- Basri Abd Ghani, & Mahbob Mahfot. (2010). Konsep Penggunaan Menurut Syariat Islam. Dalam Mahbob Mahfot & Norlela Kamaluddin (eds.), *Ekonomi Menurut Syariat Islam* (pp. 59-81). Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- al-Fayruz Abadi, Majdi al-Din Muhammad Ya'qub. (2003). *al-Qamus al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Harrani, Ahmad ibn Hamdan al-Hanbali. (1976). *Sifat al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*. Bayrut: al-Maktab al-Islamiy.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Mukram al-Afriqi al-Misri. (1990). *Lisan al-'Arab* (Jil. 15). Bayrut: Dar Sadir.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, & Hairunnizam Wahid. (2011). *Ekonomi Islam Satu Pendekatan Analisis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2002). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2001*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2003). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2002*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2006). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2004*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2007). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2005*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2009a). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2006*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2009b). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2007*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2012). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2010*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2013). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2012*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2014). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2013*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. (2003). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Dewan* (Edisi Ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Amim Othman. (2002). Pengguna dari Perspektif Islam. Dalam Nurizan Yahaya & Mohd Amim Othman (eds.), *Pengenalan Sains Pengguna* (pp. 125-135). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Anuar Ramli, & Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). Pengenalan Kepenggunaan Islam. Dalam Suhaimi Ab Rahman & Mohammad Aizat Jamaludin (eds.), *Halal Haram dalam Kepenggunaan Islam*

- Semasa* (pp. 1-5). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Hamdan Adnan. (1994). *Konsep Asas Kepenggunaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pearce, David William. (1992). *Macmillan Dictionary of Modern Economics*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Portal Rasmi Jabatan Mufti Kerajaan. (2010). *Pengenalan Perkembangan Institusi Fatwa*. Dicapai dari <http://mufti.gov.bn/pengenalan/perkembangan.htm> pada 23 Februari 2015.
- Qal'ahji, Muhammad Rawwas dan Qunaybi, Hamid Sadiq. (1985). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1988). *al-Fatwa Bayn al-Indibat wa al-Tasayyib*. Qahirah: Dar al-Sahwat.
- Statistik Jabatan Mufti Kerajaan. (2015). *Statistik Fatwa Yang Difatwakan Sepanjang Tahun 1962-2014*. Bahagian Urusetia Fatwa, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. Tidak Diterbitkan.
- Surtahman Kastin Hasan. (1993). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Zabidi, Muhammad Murtada Muhammad al-Husayni. (2007). *Taj al-'Arus Min Jawahir al-Qamus* (Jil. 39). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2007). *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir* (Jil. 5). Damsyiq: Dar al-Maktabi